



Ruj.Kami : Prk.ML.78/5-22 (67)
Tarikh : 28 April 2016

SEGERA DENGAN FAKS DAN POS

Pengarah
Pejabat Perikanan Laut Sarawak
Tingkat 15, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
Peti Surat 1375
93728 Kuching
SARAWAK

Tuan,

PENETAPAN SYARAT-SYARAT BARU LESEN SAMPAN BAGI NEGERI SARAWAK (PEKELILING PELESENAN BIL. 5/2016)

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat tuan rujukan JPLS.KCH.700-1/5/1 Jld. 4 (23) bertarikh 8 April 2016 mengenai perkara yang sama adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia telah menerima surat daripada Jabatan Perikanan Laut Sarawak berhubung cadangan syarat-syarat baru lesen sampan bagi negeri Sarawak.

3. Sehubungan itu, berasaskan kepada semakan dan penelitian ke atas cadangan tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia **BERSETUJU** dengan cadangan syarat-syarat baru lesen sampan bagi negeri Sarawak seperti berikut:

- a) **Saiz ukuran panjang tidak kurang 7 meter (minima)**
 - i) Semua sampan ukuran panjang tidak kurang 7 meter (minima) dan 15 meter (maksima) disyaratkan untuk lesen sampan baru;
 - ii) Bagi sampan yang telah dilesenkan, penetapan syarat ini tertakluk semasa proses permohonan kelulusan ganti kulit;

- iii) Untuk projek satu (1) azam, syarat panjang sam pan tidak kurang 7 meter (minima) akan dilaksanakan 1 Januari 2017. Ini adalah membolehkan agensi pelaksana membuat perancangan.

b) Mengacat badan sampan bewarna oren

- i) Semua sampan baru yang akan dilesenkan diseragamkan warna iaitu warna oren. Tujuan sampan dicat bewarna oren adalah supaya menampakkan keseragaman dan memberi satu (1) imej yang baik dari segi aktiviti kawalselia. Ianya juga dapat membezakan sampan yang berlesen dengan tidak berlesen dengan mudah. Selain itu, dari segi keselamatan di laut warna oren adalah warna yang terang dan mudah dilihat pada waktu siang.
- ii) Bagi sampan yang telah dilesenkan akan dikehendaki menukar ke warna oren semasa permohonan pembaharuan lesen tahunan, ganti kulit, ubahsuai dan ganti enjin vesel.

4. Selaras dengan itu, pihak tuan adalah diminta untuk memaklumkan dan membuat hebahan secara menyeluruh berhubung perkara ini kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat. Pekeliling ini akan dilaksanakan **berkuatkuasa SERTA-MERTA** dari tarikh surat ini dikeluarkan. Segala kerjasama dan tindakan tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK HAJI ISMAIL BIN ABU HASSAN)
Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k

Ketua Pengarah
Agenzi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Pejabat Ketua Pengarah APMM
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4-11, One IOI Square, IOI Resort
62502 PUTRAJAYA
No. Faks : 03-8941 4000 / 03-8994 3731

Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
Wisma LKIM, Jalan Desaria
Pulau Meranti
47120, Puchong
SELANGOR
No. Faks : 03 - 8060 3726

Komander
Pasukan Polis Marin
Tingkat 24, Menara 1
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR
No. Faks : 03-2266 3227 / 03-2272 4390

Pengurus Besar
Persatuan Nelayan Kebangsaan
No. 152, 1st Floor
Jalan 2/3A, Pusat Bandar Utama
KM 12, Jalan Ipoh
68100 KUALA LUMPUR
No. Faks: 03-6138 7819

Ketua Pegawai Eksekutif
Bank Pertanian Malaysia Berhad
Lebuh Pasar Besar
Peti Surat 10815
50726 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2731 1600
No. Faks : 03-2691 4068

Y.H Dato' Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)

Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Perikanan Negeri

Semua Ketua Cawangan, Bahagian Pengurusan Sumber
Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perikanan Malaysia
Semua Pegawai Perikanan, Bahagian Pengurusan Sumber
Ketua Cawangan Operasi Teknikal dan Laman Web
Bahagian Pengurusan Maklumat
PUTRAJAYA
(u.p: Pn. Shuhaila Aszrin Binti Mohd Kasim)
- Sila pihak tuan memuatnaik pekeliling ini ke dalam laman web Jabatan.